



## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD		
TARIKH	:	25/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	TNB		

## TNB lulus geran RM1.63 juta untuk WTP

SHAH ALAM - Ahli Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB) meluluskan geran sepadan berjumlah RM1.63 juta untuk Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) bagi membolehkan lebih ramai golongan terjejas akibat pandemik Covid-19 menerima manfaat.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, sejak dilancarkan pada 9 Jun lalu, lebih RM1.63 juta disumbangkan warga kerja TNB secara sukarela kepada Tabung WTP melalui potongan gaji bulan Jun dan Julai termasuk pengurusan tertinggi dan Ahli Lembaga Pengarah.

"Ia melepasi sasaran RM1.5 juta ditetapkan pada tarikh tabung ditutup iaitu 12 Julai," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Menurut beliau, keprihatinan warga kerja TNB berkongsi rezeki bersama golongan memerlukan terserlah dengan jumlah kutipan melebihi sasaran awal.

Katanya, warga TNB peka terhadap golongan yang dilanda kesusahan dan tekanan akibat pandemik Covid-19 termasuk hilang pekerjaan bagi menyara keluarga.

"Pengurusan tertinggi dan presiden/ yang dipertua persatuan dalaman TNB bersepakat menubuhkan tabung berkenaan sebagai kaedah warga kerja TNB bersatu mengumpul sumbangan ikhlas.

"Sebagai perangsang usaha murni ini, Ahli Lembaga Pengarah bersetuju mengandakan jumlah kutipan kepada RM3.26 juta," katanya.

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, kejayaan itu melambangkan budaya TNB yang prihatin, kerjasama, mengutamakan

pelanggan, integriti dan berwawasan dalam usaha membantu kerajaan menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Tambahnya, bagi menyokong usaha PPN, TNB menumpukan empat aspek iaitu menyelamatkan nyawa, melindungi golongan rentan, menyediakan bekalan elektrik yang stabil dan memacu pemulihan ekonomi.

"Sejak awal tahun ini TNB menghulurkan pelbagai bantuan kepada lebih 10,000 golongan B40 dengan peruntukan hampir RM9.5 juta termasuk membiayai pembinaan semula dan membaiki rumah, pengagihan bekalan makanan, keperluan asas serta wang saku.

"TNB turut sama menjayakan program Bakul Prihatin Negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan tajaan RM2 juta.

"Program membabitkan pengagihan 420,000 bakul bantuan barangan keperluan kepada 1.68 juta penerima mendapat tajaan daripada beberapa syarikat berkaitan kerajaan," katanya.

MAHDZIR



Sinar Ahad, 25  
Jul 2021\_12